Projek yang berada di Kategori 3 akan diteruskan pelaksanaannya ke fasa rekabentuk, perolehan dan pembinaan. Berikut adalah taburan projek-projek RMK-10 bagi Rolling Plan Pertama (RP1), Kedua (RP2), ketiga (RP3), keempat (RP4) dan Bukan Rolling Plan (Bukan RP) mengikut Pengurus Program pada status Kategori 3. Maklumat-maklumat yang dipaparkan adalah berdasarkan data daripada SKALA sehingga 31 Disember 2015.


BILANGAN PROJEK KATEGORI 3



Berdasarkan graf di atas, jumlah projek Kategori 3 yang dilaksanakan secara tender ialah sebanyak 1242 projek dimana, bilangan projek bagi RP1 ialah 319, RP2 sebanyak 84 projek, RP3 sebanyak 315 projek, RP4 sebanyak 204 projek dan RMKe – 10 Bukan RP adalah sebanyak 320 projek.

Dalam strategi pelaksanaan projek-projek RMKe-10, semua Pengurus Program perlu mendaftarkan projek-projek di bawah kawalan masing-masing dan membuat pelantikan Head of Project Team (HOPT) dalam SKALA. Kemudian, HOPT pula akan melantik Ketua Perekabentuk, Head of Design Team (HODT) bagi semua disiplin yang terlibat sama ada HODT di Cawangan Pakar, Cawangan di Sektor Infrastruktur & Bangunan mahupun Negeri. Berikut adalah taburan pelantikan HODT Elektrik bagi projek-projek secara tender bagi RMKe - 10 RP1, RP2, RP3, RP4 dan Bukan RP.

TABURAN PELANTIKAN HODT ELEKTRIK BAGI PROJEK SECARA TENDER MENGIKUT PENGURUS PROGRAM




Daripada graf di atas, sebanyak 613 projek telah dibuat pelantikan HODT Elektrik (HODTe) dalam Sistem SKALA sehingga 31 Disember 2015. Pecahan daripada jumlah tersebut adalah 398 projek CKE Ibu Pejabat telah dilantik sebagai HODTe, Bahagian Elektrik di Sektor Infrastruktur & Bangunan dilantik sebagai HODTe bagi 58 projek dan baki 157 projek Bahagian Elektrik di negeri dilantik sebagai HODTe. Taburan pelantikan HODTe berdasarkan bilangan projek Kategori 3 mengikut RP ialah seperti berikut:

BIL	RMKe-10	BILANGAN PROJEK
1	RP1	122
2	RP2	57
3	RP3	180
4	RP4	142
5	BUKAN RP	112
JUMLAH		613


TABURAN PROJEK RMK KE-10 1st ROLLING PLAN MENGIKUT PENGURUSAN PROGRAM DAN PEJABAT HODT CKE IBU PEJABAT

BPR A BPR B BPR C BPR D1 BPR D2 BPR E UPIKE UPA & ELV




TABURAN PROJEK RMK KE-10 2nd ROLLING PLAN MENGIKUT PENGURUSAN PROGRAM DAN PEJABAT HODT CKE IBU PEJABAT

BPR A BPR B BPR C BPR D2 BPR E UPIKE




TABURAN PROJEK RMK KE-10 3rd ROLLING PLAN MENGIKUT PENGURUSAN PROGRAM DAN PEJABAT HODT CKE IBU PEJABAT

■ BPR A ■ BPR B ■ BPR C ■ BPR D1 ■ BPR D2 ■ BPR E ■ BPR P.KHAS ■ UPA & ELV ■ UPIKE




TABURAN PROJEK RMK KE-10 4th ROLLING PLAN MENGIKUT PENGURUSAN PROGRAM DAN PEJABAT HODT CKE IBU PEJABAT

■ BPR A ■ BPR B ■ BPR C ■ BPR D1 ■ BPR D2 ■ BPR E ■ BPR P.KHAS ■ UPIKE



TABURAN PROJEK RMK KE-10 BUKAN ROLLING PLAN MENGIKUT PENGURUSAN PROGRAM DAN PEJABAT HODT CKE IBU PEJABAT

[■ BPR A ■ BPR B ■ BPR C ■ BPR D1 ■ BPR D2 ■ BPR E ■ BPR P.KHAS ■ UPIKE ■ UPKTE ■ UPA & ELV]



TABURAN PROJEK RMKE-10 1ST ROLLING PLAN MENGIKUT PEJABAT HODT DI BAHAGIAN ELEKTRIK SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN DAN BAHAGIAN ELEKTRIK NEGERI

Berikut adalah pecahan pelantikan HODT Elektrik mengikut pejabat HODT di Bahagian Elektrik Sektor Infrastruktur & Bangunan dan Bahagian Elektrik Negeri:

PENGURUS PROGRAM	HODT Elektrik																								
	SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN							BAH. ELEKTRIK NEGERI																	
	CPUM	CJ	CKBA	CKK	CKP	CKS	CSFB	JUMLAH	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KELANTAN	PAHANG	TERENGGANU	MELAKA	N. SEMBILAN	SELANGOR	W.P. K. LUMPUR	W.P. PUTRAJAYA	JOHOR	W.P. LABUAN	PASUKAN PROJEK SABAH	KESEDAR	JUMLAH
CPUM	3	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CJ	0	22	0	0	0	0	0	22	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
CKBA	0	0	1	0	0	0	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
CKK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CKP	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	1	0	0	1	2	0	0	1	0	1	1	0	0	9
CKS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CSFB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CKC	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CKM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	3	22	1	0	0	0	0	26	2	3	0	1	0	0	1	2	0	0	1	0	1	1	0	0	12

TABURAN PROJEK RMKE-10 2ND ROLLING PLAN MENGIKUT PEJABAT HODT DI BAHAGIAN ELEKTRIK SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN DAN BAHAGIAN ELEKTRIK NEGERI

PENGURUS PROGRAM	HODT Elektrik																								
	SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN							BAH. ELEKTRIK NEGERI																	
	CPUM	CJ	CKBA	CKK	CKP	CKS	CFSB	JUMLAH	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KELANTAN	PAHANG	TERENGGANU	MELAKA	N. SEMBILAN	SELANGOR	W.P. K. LUMPUR	W.P. PUTRAJAYA	JOHOR	W.P. LABUAN	PASUKAN PROJEK SABAH	KESEDAR	JUMLAH
CPUM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
CJ	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	2
CKBA	0	0	2	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	2	2	0	1	1	1	0	1	0	0	0	8
CKK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2
CKP	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
CKS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	0	0	2	0	0	0	0	2	0	0	0	1	0	3	2	0	1	2	1	0	2	0	0	1	13

TABURAN PROJEK RMKE-10 3RD ROLLING PLAN MENGIKUT PEJABAT HODT DI BAHAGIAN ELEKTRIK SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN DAN BAHAGIAN ELEKTRIK NEGERI

PENGURUS PROGRAM	HODT Elektrik																								
	SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN							BAH. ELEKTRIK NEGERI																	
	CPUM	CJ	CKBA	CKK	CKP	CKS	CFSB	JUMLAH	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KELANTAN	PAHANG	TERENGGANU	MELAKA	N. SEMBILAN	SELANGOR	W.P. K. LUMPUR	W.P. PUTRAJAYA	JOHOR	W.P. LABUAN	PASUKAN PROJEK SABAH	KESEDAR	JUMLAH
CPUM	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
CJ	0	3	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	
CKBA	0	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	
CKK	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1	5	6	0	4	0	2	0	0	2	0	0	1	23
CKP	0	0	0	0	2	0	0	2	0	2	0	3	3	2	1	2	3	3	0	0	4	2	0	0	25
CKS	0	0	0	0	0	2	0	2	1	0	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	4
CFSB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CKC	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	1	3	1	0	2	2	0	9	2	2	1	5	8	8	1	7	4	6	0	0	6	2	1	1	54


TABURAN PROJEK RMKE-10 4TH ROLLING PLAN MENGIKUT PEJABAT HODT DI BAHAGIAN ELEKTRIK SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN DAN BAHAGIAN ELEKTRIK NEGERI

PENGURUS PROGRAM	HODT Elektrik																						
	SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN							BAH. ELEKTRIK NEGERI															
	CPUM	CJ	CKBA	CKK	CKP	CKS	JUMLAH	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	N. SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	SELANGOR	WP PUTRAJAYA	TERENGGANU	JOHOR	WP. KUALA LUMPUR	PULAU PINANG	KESEDAR	PASUKAN PROJEK SABAH (PPS)	JUMLAH
CPUM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
CJ	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	1	0	0	3
CKBA	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2
CKK	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	5
CKP	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	3	6
CKS	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	2
CSFB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KESEDAR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	3
CKC	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	0	1	0	0	0	1	2	3	1	0	1	2	0	0	1	1	2	2	1	1	3	3	21

TABURAN PROJEK RMKE-10 BUKAN ROLLING PLAN MENGIKUT PEJABAT HODT DI BAHAGIAN ELEKTRIK SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN DAN BAHAGIAN ELEKTRIK NEGERI

PENGURUS PROGRAM	HODT Elektrik																								
	SEKTOR INFRASTRUKTUR & BANGUNAN										BAH. ELEKTRIK NEGERI														
	CPUM	CJ	LPT 2	CKBA	CKK	CKP	CKS	CSFB	JUMLAH	KESEDAR	W.P.PUTRAJAYA	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	N. SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	SELANGOR	W.P.LABUAN	TERENGGANU	JOHOR	W.P.KLUMPUR	PULAU PINANG	JUMLAH
CPUM	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
CJ	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	
CKBA	0	0	0	3	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	2	0	1	0	0	0	0	3	
CKK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
CKP	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
CKS	0	0	0	0	0	0	6	0	6	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	
CSFB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	
CKE	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	
CKC	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
CKM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
LPT 2	0	0	9	0	0	0	0	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
KESEDAR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
PPS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
JKR NEGERI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	10	5	7	2	5	0	1	19	0	0	50	
JUMLAH	1	0	9	3	0	0	6	0	19	0	0	1	0	1	10	6	10	2	6	0	1	19	1	0	57

Daripada 398 projek CKE Ibu Pejabat dilantik sebagai HODTe, sebanyak 223 projek dilaksanakan secara Konvensional Dalaman, 103 projek dilaksanakan secara Konvensional Perunding dan 72 projek dilaksanakan secara Reka dan Bina. Berikut adalah peratusan kaedah pelaksanaan projek di CKE berdasarkan maklumat daripada SKALA sehingga 31 Disember 2015.



Daripada 398 projek CKE Ibu Pejabat dilantik sebagai HODTe, sebanyak 223 projek dilaksanakan secara Konvensional Dalaman, 103 projek dilaksanakan secara Konvensional Perunding dan 72 projek dilaksanakan secara Reka dan Bina. Berikut adalah peratusan kaedah pelaksanaan projek di CKE berdasarkan maklumat daripada SKALA sehingga 31 Disember 2015.

KAEDAH PELAKSANAAN	ROLLING PLAN	PERANCANGAN	REKABENTUK	PEROLEHAN	PEMBINAAN	DLP	JUMLAH PROJEK
KONVENTIONAL DALAMAN	RMKe-10 RP1	2	3	3	14	22	44
	RMKe-10 RP2	0	1	0	12	5	18
	RMKe-10 RP3	2	20	8	27	5	62
	RMKe-10 RP4	13	31	12	18	0	74
	RMKe-10 BUKAN RP	0	3	3	13	6	25
KONVENTIONAL PERUNDING	RMKe-10 RP1	1	1	1	13	9	25
	RMKe-10 RP2	0	1	2	7	8	18
	RMKe-10 RP3	0	6	3	20	0	29
	RMKe-10 RP4	4	12	5	5	1	27
	RMKe-10 BUKAN RP	0	0	0	3	1	4
REKA & BINA	RMKe-10 RP1	0	0	0	4	11	15
	RMKe-10 RP2	0	0	3	2	1	6
	RMKe-10 RP3	0	0	9	17	0	26
	RMKe-10 RP4	4	0	13	1	0	18
	RMKe-10 BUKAN RP	0	0	2	4	1	7
JUMLAH KESELURUHAN PROJEK CKE SBG.HODT ELEKTRIK							398

SIGNIFICANT IMPLICATION OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) TOWARDS ENERGY EFFICIENCY (EE) IMPROVISATION PRAGMATIC CASE STUDY OF SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (SSAAS) BUILDING

PRODUCT DESCRIPTION:

The present invention aims to improve the energy efficiency of an existing electrical distribution system by placing capacitor at certain locations with proper sizing based on artificial intelligence based optimization technique

PRODUCT FEATURES:

Locations and sizes of capacitor are determine via Particle Swarm Optimization technique

The optimization process is executed based on real data

The optimization algorithm and simulation model are developed in MATLAB® SIMULINK® software

The capacitor unit is equipped with power factor regulator to suit the loading variation.

USEFULLNESS AND CHARACTERISTICS APPLICATION

The present invention can be implemented in all electrical system especially plants, factories and commercial buildings.

The invention use standard design of capacitor bank unit thus, easy to fabricate.

The implementation will reduce the total losses in the electrical

system

The implementation will reduce the temperature of the conductor that carries the current (I).

Significantly reduce the energy consumption without affecting the performance of the electrical system

NOVELTY AND INVENTIVENESS

Involve artificial intelligence application

MARKET AND COMMERCIAL

-

ENVIRONMENTAL FRIENDLINESS

The present invention have no harmful gas emission

The present invention not produce loud sound



PRAGMATIC IMPLEMENTATION (OCPS)

Transformer	Location	Size (kVar)
T1	M1 – Bahagian Teknologi Maklumat (L2)	50
T2	N7 – Jabatan Integriti (L7)	30
T2	N4 – JKR Elektrik Selangor (L1)	20
T3	M5 – Unit Pengurusan SUK (GF)	50
T3	Main AC – Bilik Pam	170
T4	M10 – Unit Perancang Ekonomi (L13)	100
T5	M8 – Pejabat Tanah & Galian (GF)	90



AWARD

-



Name : Ir. Mat Nasir A.M.N
 Address : Majlis Keselamatan Negara
 Bangunan Perdana Putra
 Pusat Pentadbiran Putrajaya.
 Tel : +6 019 9580028
 Fax : +6 03-88883021
 Email : Matnasir@mkn.gov.my



Name : Prof. Madya Dr. Muhammad Murtadha Bin Othman
 Address : Fakulti Kejuruteraan Elektrik
 Universiti Teknologi MARA
 SHAH ALAM, Selangor.
 Tel : +6 016 3952703
 Fax : +6 03 - 55435077
 Email : mamat505my@yahoo.com



PENGALAMAN KO-KREATIF
BERSAMA PELANGGAN

LAPORAN PELAN BISNES CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK IBU PEJABAT JKR MALAYSIA BAGI TAHUN 2015

1.0 KHIDMAT TEKNIKAL (PENGURUSAN DAN PERLAKSANAAN PROJEK)

KPI	Overall target	Pencapaian Keseluruhan CKE	BPR			BPP ICT & ELV			CKE NEGERI		
			Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	Pencapaian	Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	Pencapaian	Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	Pencapaian
Bilangan SST NSC yang dikeluarkan tidak melebihi 20% kemajuan fizikal kerja kontraktor Utama	90%	92%	25	25	100%	16	15	94%	127	114	94%
Kos projek (berdasarkan bilangan SST NSC yang dikeluarkan) tidak melebihi dari kos yang dipersetujui (ATDA<PDA)	90%	96%	27	27	100%	16	14	88%	137	132	96%
Bilangan maklumbalas tahap kepuasan pelanggan yang diterima melebihi 70%	90%	98%	15	15	100%	2	2	100%	97	95	98%
Bilangan inovasi yang dicadang dan digunakan	7	35	5	5	5	21	21	21	13	9	9

2.0 PENGURUSAN FASILITI ASET

KPI	Overall target	Pencapaian Keseluruhan CKE	BPP UPIKE		
			Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	Pencapaian
Bilangan Laporan Senggara Tahunan yang dikeluarkan	1	1	1	1	100%
Jumlah peruntukan dari Pihak Pelanggan yang diuruskan dan dibelanjakan mengikut keperluan dan perancangan Program Senggara yang dipersetujui & ditetapkan	90%	97%	141,867,000.00	138,127,930.00	97%
Bilangan perkhidmatan yang menepati Piagam Pelanggan iaitu : “Memberi akuan penerimaan kerosakan elektrik dan membuat penyiasatan kerosakan elektrik dalam tempoh satu (1) hari”	95%	100%	49,954	49,954	100%
Bilangan Perkhidmatan yang menepati Piagam Pelanggan iaitu - “Mengambil tindakan penyempurnaan dalam tempoh (7) hari ”	95%	100%	49,954	49,936	100%
Bilangan inovasi yang dicadang dan digunakan	1	1	1	1	1

3.0 PENGURUSAN KAWALAN BAHAN

KPI	Overall target	Pencapaian Keseluruhan CKE	BPP UKBF			BPP USPMA		
			Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	% Pencapaian	Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	% Pencapaian
Bilangan penemuan ketidakpatuhan bahan per projek yang diaudit oleh Pasukan UKBF	2	2.08	24	50	2.08			
Bilangan keputusan permohonan baru daripada pembekal/pengilang yang dikeluarkan tidak melebihi lapan (8) minggu dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima	90%	98%	116	112	97%	63	63	100%
Bilangan keputusan ke atas permohonan pembaharuan daripada pembekal atau pengilang tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima	90%	95%	321	298	93%	123	123	100%
Bilangan inovasi yang dicadang dan digunakan	1	18	2	2	2	16	16	16

4.0 KHIDMAT PAKAR KECEKAPAN TENAGA

KPI	Overall target	BPP UPKTE		
		Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	% Pencapaian
Jumlah Program Audit Tenaga di Bangunan Kerajaan - ditentukan dan diselaraskan oleh BSFB	100%	3	3	100%
Pematuhan kepada kriteria EE berdasarkan Senarai Semak EE dalam proses rekabentuk	90%	50	46	92%
Bilangan inovasi yang dicadang dan digunakan	1	1	1	1

5.0 PEMBANGUNAN INOVASI DAN PENYELIDIKAN

KPI	Overall target	Pencapaian Keseluruhan CKE	USPMA & BPKS		
			Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	% Pencapaian
Bilangan penyelidikan/kajian yang dilaksanakan oleh CKE untuk penambahbaikan proses sedia ada	1	25	25	25	25
Bilangan program inovasi yang dianjurkan/ usaha ke arah membudayakan inovasi di CKE	1	1	1	1	1

6.0 PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN TENAGA PAKAR

KPI	Overall target	BPKS		
		Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	% Pencapaian
Jumlah program pembangunan tenaga pakar yang dianjurkan/ dibangunkan	2	8	8	8
Jumlah tenaga pakar yang ditauliahkan	2	4	4	4
Peratus Pematuhan 7 hari berkursus setahun bagi kakitangan CKE	90%	645	645	100%
Bilangan Dokumen Rujukan CKE berdaftar yang dibangunkan/ ditambahbaik	4	9	9	9

7.0 PENGURUSAN ADUAN

KPI	Overall target	BPKS		
		Jumlah Perlaksanaan	Pematuhan KPI	% Pencapaian (KPI vs Target)
Bilangan akuan penerimaan aduan yang dikeluarkan dalam tempoh (1) hari selepas aduan diterima	90%	3	3	100%
Bilangan maklumbalas terhadap aduan yang dikeluarkan dalam tempoh 7 hari selepas aduan diterima	90%	2	2	100%

PENCAPOAIAN PIAGAM PELANGGAN CKE BAGI TAHUN 2015

1) PERLAKSANAAN PROJEK

Janji	Pencapaian	Jumlah Perkhidmatan	Pencapaian	Jumlah Keseluruhan
Memastikan perlantikan kontraktor elektrik dibuat pada peringkat dua puluh peratus (20%) kemajuan fizikal kontraktor utama	Jumlah Menepati Standard	154	91.7%	168
	Jumlah Tidak Menepati Standard	14		
Menyedia dan menyerahkan laporan penilaian tender tiga (3) minggu selepas penerimaan dokumen tender daripada urusetia tender	Jumlah Menepati Standard	46	82.1%	56
	Jumlah Tidak Menepati Standard	10		
Memastikan kos perlaksanaan projek elektrik tidak melebihi kos yang dipersetujui oleh pelanggan	Jumlah Menepati Standard	173	96.1%	180
	Jumlah Tidak Menepati Standard	7		
Memastikan kepuasan pelanggan mencapai tahap tujuh puluh peratus (70%) ditahap baik berdasarkan borang soal-selidik kepuasan pelanggan yang diterima	Jumlah Menepati Standard	112	98.2%	114
	Jumlah Tidak Menepati Standard	2		

2) PENGURUSAN FASILITI ASET

Janji	Pencapaian	Jumlah Perkhidmatan	Pencapaian	Jumlah Keseluruhan
Memberi akuan penerimaan kerosakan elektrik dan membuat penyiasatan kerosakan elektrik dalam tempoh satu (1) hari	Jumlah Menepati Standard	49954	100%	49954
	Jumlah Tidak Menepati Standard	0		
Mengambil tindakan penyempurnaan ke atas kerosakan elektrik tidak lebih dari tujuh (7) hari	Jumlah Menepati Standard	49936	100.0%	49954
	Jumlah Tidak Menepati Standard	18		

3) PENGURUSAN KAWALAN BAHAN


Janji	Pencapaian	Jumlah Perkhidmatan	Pencapaian	Jumlah Keseluruhan
Mengeluarkan keputusan permohonan baru daripada pembekal/pengilang tidak melebihi lapan (8) minggu dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima	Jumlah Menepati Standard	175	97.8%	179
	Jumlah Tidak Menepati Standard	4		
Mengeluarkan keputusan ke atas permohonan pembaharuan daripada pembekal atau pengilang tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima	Jumlah Menepati Standard	421	94.8%	444
	Jumlah Tidak Menepati Standard	23		

4) PENGURUSAN ADUAN

Janji	Pencapaian	Jumlah Perkhidmatan	Pencapaian	Jumlah Keseluruhan
Mengeluarkan keputusan permohonan baru daripada pembekal/pengilang tidak melebihi lapan (8) minggu dari tarikh permohonan dokumen lengkap diterima	Jumlah Menepati Standard	175	97.8%	179
	Jumlah Tidak Menepati Standard	4		
Mengeluarkan keputusan ke atas permohonan pembaharuan daripada pembekal atau pengilang tidak melebihi dua (2) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima	Jumlah Menepati Standard	421	94.8%	444
	Jumlah Tidak Menepati Standard	23		

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PERUNDING 2015

Selaras dengan Prosedur Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB), prestasi perunding perlu dipantau melalui laporan yang dihantar ke Perbendaharaan. Oleh itu, Carta berikut menunjukkan penilaian prestasi perunding yang dibuat pada tahun 2015. Taburan data adalah dibuat berdasarkan markah prestasi perunding mengikut fasa di dalam perkhidmatan perunding.



LAPORAN AUDIT FLYING SQUAD 2015

i. Pengenalan

Objektif utama Audit Flying Squad CKE ini diadakan adalah bagi membantu WPP(E) untuk mengenalpasti ketidakpatuhan pemasangan elektrik di tapak bina yang perlu diperbaiki sebelum penyerahan dilaksanakan dan berkongsi maklumat (lesson learnt) tersebut dengan semua kakitangan CKE. Ia juga secara tidak langsung menjadi platform untuk proses pembelajaran supaya ketidakpatuhan yang sama tidak berulang di masa hadapan dan seterusnya meningkatkan Construction Quality di tapak bina. Unit Kualiti Dan Tugas Khas (UKTK) merupakan urusetia Pemeriksaan Flying Squad di CKE. Di mana terdapat beberapa unit lain yang terlibat bagi memastikan pemeriksaan audit ini berjalan lancar. Antara unit yang terlibat secara langsung adalah Unit BPR A, B, C, D1, D2, E, Projek Khas, UKBF, USPMA, UPICT dan UPA&ELV.

Antara skop yang terlibat di dalam Audit Flying Squad ini adalah pemeriksaan Rekabentuk & Pembinaan (HT, LV, ICT dan ELV), Keselamatan Elektrik & Senggara, Pemasangan Papan Suis, Penggunaan Bahan serta Pematuhan Kepada Sistem Pengurusan Bersepadu di tapak.

ii. Pemilihan Tapak

Pemeriksaan Flying Squad dilaksanakan berdasarkan kepada cadangan senarai projek yang diterima dari setiap negeri, SBU dan HODT. Keutamaan tapak adalah pelaksanaan secara Konvesional Dalaman & Konvesional Perunding. Namun terdapat juga projek Reka & Bina dilaksanakan oleh pasukan Pemeriksaan Flying Squad. Sasaran KPI untuk menjayakan Pemeriksaan Flying Squad ini adalah sebanyak 24 tapak setahun. Keutamaan kemajuan kerja elektrik yang dilawati adalah 60% ke atas.

iii. Penemuan Ketidakpatuhan 2015


Jadual di bawah menunjukkan Jadual Penemuan Jenis Tahap untuk tahun 2015 mengikut negeri:

Bil	Negeri	Bilangan Projek	Tahap 1		Tahap 2		Tahap 3	
			Rekabentuk	Pembinaan	Rekabentuk	Pembinaan	Rekabentuk	Pembinaan
1	PERLIS	1	0	9	0	6	0	0
2	KEDAH	2	1	10	3	18	0	0
3	PULAU PINANG	3	0	7	2	18	0	1
4	PERAK	4	0	23	2	29	0	1
5	SELANGOR	1	0	1	1	6	0	1
6	WP KUALA LUMPUR	3	0	14	5	26	1	2
7	WP PUTRAJAYA	1	0	6	2	20	0	0
8	NEGERI SEMBILAN	1	0	5	0	9	0	0
9	MELAKA	1	0	3	0	9	0	3
10	JOHOR	3	3	23	2	21	0	0
11	PAHANG	4	1	12	5	12	0	1
Jumlah		24	5	113	17	174	1	9
Jumlah Keseluruhan					319			


LAPORAN AUDIT FLYING SQUAD

Berikut adalah graf analisa penemuan ketidakpatuhan :

PERBANDINGAN PERATUSAN PENEMUAN KEKERAPAN KETIDAKPATUHAN MENGIKUT KATEGORI REKABENTUK & PEMBINAAN TAHUN 2015 (TAHAP 1, 2, & 3)



PERBANDINGAN KEKRAPAN TAHAP KETIDAKPATUHAN MENGIKUT KATEGORI REKABENTUK & PEMBINAAN TAHUN 2015



Tahap	Rekabentuk	Pembinaan
1	5	113
2	17	174
3	1	9
Jumlah	23	296

Pada Tahun 2015, sebanyak 11 negeri telah berjaya dilaksanakan aktiviti Flying Squad dengan kerjasama WPP(E) Negeri iaitu di Negeri Perlis (1), Kedah (2), Pulau Pinang (3), Perak (4), Selangor (1), WP Kuala Lumpur (3), WP Putrajaya (1), Negeri Sembilan (1), Melaka (1), Johor (3) dan Pahang (4).

Penemuan ketidakpatuhan dalam kategori Pembinaan menyumbang bilangan penemuan yang paling tinggi iaitu sebanyak 292 bilangan dan Rekabentuk sebanyak 23 bilangan bagi tahun 2015.

iv. Kesimpulan

Sepanjang tahun 2015, Pasukan Flying Squad telah berjaya melaksanakan audit sebanyak 24 tapak. Walaubagaimanapun masih terdapat banyak aspek perlu dilihat semula berdasarkan penemuan ketidakpatuhan yang ditemui.

Penemuan-penemuan tersebut perlu dijadikan iktibar dan lesson learnt pada semua kakitangan CKE agar kesilapan tidak berulang. Komunikasi antara negeri dan ibu pejabat juga perlu dipertingkatkan supaya kerjasama yang erat dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan dari segi rekabentuk mahupun pembinaan.

LAPORAN INSPEKTORAT TAHUN 2015


Pencapaian perlaksanaan inspektorat pada tahun 2015 adalah sebanyak 94.5% berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak sekali sebulan setiap negeri.

Analisa penemuan ketidakpatuhan kepada perundangan telah dibuat berdasarkan kepada bilangan penemuan bagi 155 laporan inspektorat dan ia dipecahkan kepada 3 bahagian utama mengikut undang-undang yang terlibat iaitu Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Uniform Building By-Law dan Akta Bekalan Elektrik.

Cadangan penambahbaikan untuk menangani ketidakpatuhan daripada terus berlaku ialah dengan menekankan keperluan lawatan pemeriksaan oleh orang kompeten dan melantik orang kompeten yang menjaga premis selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Dengan cara ini, kerosakan elektrik di bangunan-bangunan kerajaan dapat diminimumkan dan dapat diperbaiki dengan segera supaya sesuatu pepasangan dapat berfungsi dengan baik dan selamat.

1.0 Pencapaian Tahunan Inspektorat

Bermula tahun 2011, kesemua Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri telah ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan inspektorat sebanyak 12 pepasangan kecuali bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang dikurangkan kepada 8 pepasangan kerana bilangan pepasangan yang terhad di sana. Unit Perunding Inspektorat dan Keselamatan Elektrik (UPIKE) pula telah ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan Inspektorat sebanyak 12 pepasangan. Carta di bawah menunjukkan bilangan pemeriksaan beserta laporan yang telah dikeluarkan oleh UPIKE dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri.



Carta 1:
Inspektorat oleh UPIKE dan JKR Elektrik Negeri

Daripada Carta 1 di atas, didapati masih terdapat negeri yang tidak mencapai bilangan sasaran inspektorat yang telah ditetapkan iaitu negeri Terengganu, Negeri Sembilan dan Labuan. Bilangan inspektorat yang dicatatkan seperti carta di atas diambil kira daripada Pencaapaian Inspektorat yang dilaporkan oleh KJEN, salinan surat Pemakluman Kepada Pelanggan dan juga salinan laporan yang diterima oleh UPIKE.


2.0 Analisa Penemuan Inspektorat

Analisa Penemuan Inspektorat ini dijalankan berdasarkan kepada 155 laporan yang telah dikelaskan mengikut statistic 3 tajuk utama iaitu Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Uniform Building By-Law dan Akta Bekalan Elektrik.

Di bawah 3 tajuk utama tersebut, berikut adalah peratus penemuan seperti di dalam Jadual 1 serta Carta 2 di bawah:

Bil	Undang-Undang	Bilangan Penemuan	Peratus
1	Peraturan-Peraturan Elektrik 1994	2189	92%
2	Uniform Building By-Law	120	5%
3	Akta Bekalan Elektrik	59	3%
JUMLAH		2368	100%

█ PERATURAN - PERATURAN ELEKTRIK 1994
 █ UNIFORM BUILDING BY-LAW
 █ AKTA BEKALAN ELEKTRIK




Carta 2:
Isu Ketidakpatuhan

Daripada carta 2 di atas, didapati isu Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 mencatatkan peratusan penemuan yang tertinggi iaitu sebanyak 92%, diikuti isu Uniform Building By-Law dengan catatan sebanyak 5%. Manakala isu Akta Bekalan Elektrik mencatatkan sebanyak 3%.

2.1 Ketidakpatuhan pada Peraturan-Peraturan Elektrik 1994

Carta pie di bawah menunjukkan penemuan yang membabitkan ketidakpatuhan pada Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu penemuan yang boleh menyebabkan risiko keselamatan pengguna.


**PERATUSAN PERATURAN- PERATURAN ELEKTRIK
1994 YANG TIDAK PATUH**



2.2 Ketidakpatuhan pada Uniform Building By-Law

Carta Pie di bawah pula menunjukkan penemuan yang membabitkan ketidakpatuhan pada Uniform Building By Law. Penemuan yang dicatatkan adalah:


**SENARAI UNIFORM BUILDING BY LAW YANG
TIDAK PATUH**



2.3 Ketidakpatuhan pada Akta Bekalan Elektrik

Carta Bar di bawah pula menunjukkan penemuan yang melibatkan ketidakpatuhan pada Akta Bekalan Elektrik.


AKTA BEKALAN ELKTRIK YANG TIDAK PATUH



2.4 Tahap Penemuan Kririkal

Carta Bar di bawah pula menunjukkan penemuan yang melibatkan Tahap Penemuan Kririkal bagi semua pepasangan Inspektorat Elektrik.

TAHAP PENEMUAN KRIRIKAL



A: PENEMUAN YANG MUNGKIN MENYEBABKAN BAHAYA MEMERLUKAN TINDAKAN SERTA MERTA

B: TINDAKAN YANG PERLU DIPATUHI

C: PERKARA YANG PERLU DIBAIKI/TAMBAH BAGI MEMBANTU KERJA PENYENGGARAAN HARIAN

Kesimpulan Penemuan Inspektorat

Berdasarkan penemuan-penemuan yang dilaporkan, didapati punca utama yang menyebabkan perkara-perkara tersebut berlaku adalah disebabkan tiadanya orang kompeten yang mengendalikan pepasan elektrik di premis dan juga tiada lawatan berkala orang kompeten di premis. Jika perkara ini dilaksanakan, segala kecacatan pepasan elektrik dapat dikurangkan dan sekaligus dapat mencegah daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. Segala perkakas elektrik perlu menjalani pemeriksaan berkala bagi memastikan perkakas tersebut berfungsi dengan baik.

Usaha untuk mengemaskini atau mewujudkan kembali dokumen-dokumen yang penting seperti As-Built Drawing, Gambarajah Skematic bagi keseluruhan premis, Maklumat Litar Akhir pada papan agihan, Manual Operasi dan Penyelenggaraan dan sebagainya juga perlu dijalankan bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan dapat menjadikan tahap penyelenggaraan pada bangunan-bangunan kerajaan di tahap Kelas Pertama.

LAPORAN TAHUNAN SENGGARA ELEKTRIK OLEH JKR CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK BAGI TAHUN 2015

1.0 PENGENALAN

Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah bertanggungjawab dalam merancang, merekabentuk dan membina projek-projek infrastruktur di negara ini. Selain daripada itu, ia juga bertindak sebagai Jabatan yang mengurus dan menyelenggara infrastruktur dan bangunan-bangunan Kerajaan supaya ia selamat untuk digunakan dan dapat beroperasi mengikut standard yang ditetapkan.

Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) bertanggungjawab dalam membantu menguruskan urusan penyenggaraan elektrik bagi premis-premis Kerajaan apabila diminta oleh pihak pelanggan dan dibuat mengikut kemampuan sumber. Tanggungjawab ini adalah bagi menyokong teras bisnes ketiga JKR iaitu mengurus dan menyelenggara aset-aset Kerajaan.

Unit Perunding Inspektorat Dan Keselamatan Elektrik (UPIKE), Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat JKR Malaysia merupakan unit yang bertanggungjawab untuk menyediakan Laporan Tahunan Senggara Elektrik bagi setiap tahun. Selain itu, unit ini turut melaksanakan projek senggaraan elektrik dan kerja-kerja naiktaraf sistem elektrik serta menjalankan program senggaraan elektrik secara terancang dan menyeluruh. Unit ini turut membantu, memantau dan memastikan kerja-kerja penyenggaraan elektrik dibuat mengikut peraturan-peraturan semasa dan Spesifikasi JKR.

Objektif Laporan Tahunan Senggara Elektrik ini adalah untuk melaporkan dan menganalisis kerja-kerja penyenggaraan elektrik secara menyeluruh di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri. Selain itu, secara tidak langsung kemampuan pengendalian kerja-kerja penyenggaraan kaktungan CKE sama ada di peringkat negeri dan Ibu Pejabat dalam urusan pengendalian kerja-kerja penyenggaraan juga dapat di nilai. Kemampuan ini boleh dinilai dari pelbagai sudut seperti prestasi, keupayaan kendalian, kompetensi, kemahiran dan pengetahuan dalam urusan penyenggaraan.

Bagi memastikan senggaraan elektrik dilaksanakan secara menyeluruh dan jayanya, penekanan dari aspek pematuhan kepada kualiti kerja, masa, kos dan kepuasan pelanggan turut menjadi keutamaan dalam perlaksanaan kerja penyenggaraan. Perhatian dan sokongan dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan pendedahan kepada teknologi baru perlu diberi kepada staf-staf yang mengurus penyenggaraan agar mutu kerja mengikut standard yang ditetapkan.

Pelanggan-pelanggan JKR yang mendapat khidmat pengurusan penyenggaraan elektrik adalah :-

- i. Kementerian Pendidikan.
- ii. Kementerian Dalam Negeri.
- iii. Kementerian Kesihatan.
- iv. Kementerian Pertahanan.
- v. Kementerian Kerja Raya.
- vi. Agensi-agensi persekutuan yang lain.
- vii. Kerajaan-kerajaan negeri.

Laporan ini mengandungi maklumat mengenai aktiviti kerja penyenggaraan di peringkat ibu pejabat dan juga JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri (CKEN) yang merangkumi laporan aduan kerosakan elektrik, laporan kerja undi, sebutharga dan tender serta laporan program komprehensif Kementerian Pendidikan Malaysia, program penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di jalan persekutuan.

2.0 ADUAN KEROSAKAN ELEKTRIK DAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Setiap tahun JKR Elektrik Negeri mengendalikan aduan kerosakan elektrik dengan baik dan sempurna bagi memastikan kesemua aduan yang diterima dapat diambil tindakan sebagaimana yang termaktub di dalam piagam pelanggan. Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya menyatakan bahawa setiap aduan kerosakan perlu memberi akuan penerimaan kerosakan dalam masa tempoh satu (1) hari dan mengambil tindakan penyempurnaan ke atas kerosakan elektrik tidak lebih daripada tujuh (7) hari. Pembaikan kerosakan aduan harian adalah dibuat secara jabatan kecuali kes-kes tertentu yang memerlukan kepakaran khas.

Setiap aduan yang diterima akan diklasifikasikan mengikut kategori kerosakan iaitu :-

- Kumpulan A : Tiada bekalan elektrik pada pepasan
- Kumpulan B : Kerosakan pada peralatan seperti: suis, suis utama, MCCB, RCCB, holder dan pengatur.
- Kumpulan C : Kerosakan pada alat elektrik seperti : Kipas siling,
Kipas Dinding/kipas Pelawas, Motor dan Assessori.
- Kumpulan D : Lampu Jalan/Lampu kawasan/ Lampu Limbah.
- Kumpulan E : Servis ACB/OCB, Janakuasa dan kerja-kerja senggara ke atas kabel bawah tanah dan talian atas (Voltan Rendah).


Manakala perkhidmatan elektrik terbahagi kepada dua jenis iaitu :-

- Kumpulan F : Pemasangan sementara dan tunggu sedia atau tugas khas

- Kumpulan G : Semakan keatas pepasan/ pendawaian (General check-up).

Secara keseluruhannya, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah menerima aduan kerosakan elektrik di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan sebanyak 49,985. Carta bar 1 di bawah menunjukkan jumlah kerosakan elektrik yang diterima mengikut JKR Elektrik Negeri bagi Tahun 2015.

GRAF JUMLAH ADUAN BIL KEROSAKAN ELEKTRIK MENGIKUT CKEN TAHUN 2015




Sebagaimana yang diketahui, kategori kerosakan elektrik terbahagi kepada lima kategori. Oleh itu pecahan jumlah aduan mengikut kumpulan kerosakan bagi tahun 2015 adalah seperti di Jadual 1 di bawah. Carta pai menunjukkan perbandingan jumlah kerosakan mengikut kategori kerosakan bagi tahun 2015.

JENIS KATEGORI KEROSAKAN	A	B	C	D	E	JUMLAH KEROSAKAN
JUMLAH KEROSAKAN	19,712	9,734	12,856	6,728	955	49,985

Jadual 1 :
Jumlah Kerosakan Elektrik Mengikut Kategori Kerosakan

CARTA PAI PECAHAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI KEROSAKAN



Merujuk kepada carta pai di atas, didapati bahawa kategori aduan kerosakan paling tinggi bagi tahun 2015 adalah sama dengan tahun sebelumnya iaitu dari Kumpulan A : Tiada bekalan elektrik pada pepasangan. Jumlah aduan adalah 19,712 iaitu 39 % dari jumlah kerosakan keseluruhan iaitu 49,985.

Jadual 2 pula menunjukkan jumlah perkhidmatan elektrik yang diberikan kepada pelanggan samada membuat pemasangan sementara dan kerja tunggu sedia atau semakan ke atas pepasan / pendawaian elektrik.

JENIS PERKHIDMATAN ELEKTRIK	F	G	JUMLAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JUMLAH PERKHIDMATAN	4,747	3,708	8,455

Jadual 2 :
Jenis dan Jumlah Perkhidmatan Elektrik


Pencapaian keseluruhan aduan kerosakan elektrik Cawangan Kejuruteraan Elektrik bagi tahun 2015 adalah seperti di Jadual 3 di bawah.


Bil	JKR Elektrik Negeri	Jumlah kerosakan yang diterima	Jumlah Kerosakan Yang Diambil Tindakan Mematuhi Piagam CKE	Jumlah Kerosakan Yang Diambil Tindakan Tidak Mematuhi Piagam CKE
1	Perlis	634	634	-
2	Kedah	6552	6552	-
3	P.Pinang	4536	4534	2
4	Perak	7095	7087	8
5	Selangor	6339	6339	-
6	K. Lumpur	6581	6581	-
7	N.Sembilan	2485	2485	-
8	Melaka	2071	2069	2
9	Johor	5695	5693	2
10	Kelantan	3713	3713	-
11	Terengganu	2164	2164	-
12	Pahang	1653	1653	-
13	Labuan	467	467	-
JUMLAH		49,985	49,971	14

Jadual 3 :
Pencapaian keseluruhan aduan kerosakan elektrik bagi tahun 2015

Berdasarkan jadual 3 di atas didapati bahawa daripada keseluruhan jumlah kerosakan yang diterima, 99.97 % kerosakan diambil tindakan pemberian mematuhi Piagam Pelanggan Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Manakala 0.03 % lagi kerosakan tidak mematuhi Piagam Pelanggan.

CARTA BAR JUMLAH ADUAN SETIAP CKEN






Carta Pai 2:
Peratusan aduan kerosakan yang diterima mengikut Kementerian/Jabatan Pelangan

Berdasarkan carta pai 2, didapati bahawa aduan kerosakan yang diterima paling tinggi adalah dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu 39% (19,316 bil aduan) daripada jumlah aduan kerosakan yang diterima. Sebagaimana yang diketahui, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah merupakan pelanggan JKR yang terbesar yang mana ia mempunyai sekolah dan pejabat pentadbiran yang banyak di setiap negeri seluruh Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah menjalankan Program Senggara Elektrik secara menyeluruh di semua premis KPM seluruh Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sabah dan Sarawak bagi membantu pihak pelanggan memastikan bangunan-bangunannya berada dalam keadaan selamat untuk digunakan dan dapat beroperasi dengan baik.

Selain itu didapati bahawa terdapat peringkatan aduan diterima daripada Kementerian Pertahanan iaitu sebanyak 50% daripada aduan tahun lepas.

Graf 3 di bawah menunjukkan Jumlah Aduan Kerosakan elektrik mengikut bulan pada tahun 2015. Daripada Graf 3 didapati kutipan aduan bagi pada setiap bulan adalah lebih kurang sama.



Graf 3
Jumlah Aduan Setiap Bulan


3.0 KERJA-KERJA PEMBAIKAN SENGGARA ELEKTRIK SECARA KONTRAK

Kerja-kerja penyelenggaraan elektrik secara kontrak merangkumi kerja-kerja perolehan secara Lantikan Terus, Undi, Sebutharga dan Tender yang dijalankan oleh JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik negeri-negeri dan ibu pejabat. Berikut adalah laporan kerja penyelenggaraan mengikut kaedah perlaksanaan iaitu :-

3.1 KERJA LANTIKAN TERUS (KECEMASAN)

Laporan kerja-kerja lantikan terus dari 13 negeri bagi tahun 2015 adalah seperti Jadual 5 di bawah yang mana menunjukkan kendalian bilangan kerja lantikan terus dan kos yang terlibat dalam tahun 2015.

CARTA BAR KOS KERJA LANTIKAN TERUS SETIAP CKEN




Merujuk kepada Carta bar 3 di atas, didapati jumlah keseluruhan kerja-kerja pembaikan secara lantikan terus adalah sebanyak RM 3,536,179.55 yang melibatkan 302 buah kontrak kerja.

3.2 KERJA UNDI

Secara keseluruhannya, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah membelanjakan RM 25,947,299.59 melalui 982 cabutan kerja undi untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan senggara elektrik di bangunan-bangunan kerajaan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di semua 13 buah negeri. Maklumat bilangan kerja undi serta kos adalah seperti di carta bar 4 berikut:

CARTA BAR KOS KERJA UNDI SETIAP CKEN




Merujuk kepada carta bar 4, JKR Elektrik Negeri Perlis merupakan JKR Elektrik Negeri tertinggi menggunakan peruntukan untuk kerja kontrak senggara secara undi iaitu sebanyak RM 5,033,172.76 melalui 89 buah bilangan cabutan kerja undi.

3.3 KERJA SEBUTHARGA

Bagi kerja-kerja penyenggaraan elektrik melalui kaedah sebutharga pula, carta bar 5 menunjukkan kendalian bilangan kerja sebutharga dan kos yang terlibat dalam tahun 2015.

CARTA BAR KOS KERJA SEBUTHARGA SETIAP CKEN




Dari carta bar 5 di atas, kita dapatkan Kerajaan telah membelanjakan RM77,617,367.79 melalui 602 kerja Sebutharga untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan senggara elektrik di bangunan-bangunan kerajaan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di seluruh 13 buah negeri.

3.4 KERJA TENDER

Sehingga hujung tahun 2015, didapati hanya 9 kerja tender dijalankan untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang membelanjakan peruntukan sebanyak RM 14,962,306.76 seperti carta bar 6


CARTA BAR KOS KERJA TENDER SETIAP CKEN



3.5 PENCAPAIAN KESELURUHAN

Secara keseluruhan, carta bar 7 menunjukkan jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk kerja-kerja senggara elektrik secara kontrak melalui kaedah perolehan secara lantikan terus, undi, sebutharga dan tender. Daripada jadual tersebut, sebanyak RM 118,122,829.75 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2015 oleh Kerajaan untuk memastikan bangunan Kerajaan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di negara kita berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

CARTA BAR KESELURUHAN KOS KONTRAK KERJA TAHUN 2015



4.0 LAPORAN PROGRAM SENGGARA ELEKTRIK SECARA TERANCANG BAGI PELANGGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2015

Bagi tahun 2015, JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik masih lagi diberi kepercayaan dan tanggungjawab yang penuh untuk menguruskan masalah pendawaian dan penyelenggaraan elektrik di bangunan milik KPM. Jumlah keseluruhan peruntukan diterima adalah sebanyak RM 39,498,448.00 . Pecahan program pembaikan pendawaian elektrik bagi KPM adalah seperti berikut:

a) Program Senggara Tahunan Elektrik

Di bawah program ini, pejabat Ibu Pejabat CKE akan menyediakan Dokumen Pelan Bisnes Senggara Tahun 2015 (PBST) untuk KPM dengan kerjasama pihak pelaksana di peringkat negeri iaitu CKEN. Dokumen ini mengandungi senarai premis, skop kerja dan anggaran kos yang diperlukan untuk perlaksanaan kerja pembaikan/ penyelenggaraan elektrik bagi tahun akan datang. Hasil daripada dokumen ini, pihak KPM akan menurunkan peruntukan kepada Ibu Pejabat CKE Malaysia untuk tujuan pelaksanaan. Peruntukan yang diterima adalah berdasarkan kemampuan pihak KPM.

b) Program Pakej Rangsangan Khas di Sekolah Berasrama Penuh (SBP)

Program ini merupakan projek di bawah PFI II dan akan berlangsung bermula tahun 2014 sehingga 2016. Sehingga tahun 2015, peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM 11,280,000.00.

c) Progam pembaikan pendawaian elektrik akibat Banjir

Sebagaimana yang telah diketahui, pada Disember 2014 telah berlaku kejadian banjir luar biasa di kawasan pantai timur. Ini mengakibatkan banyak aset KPM telah ditenggelami air banjir. Sehubungan dengan itu, pihak KPM telah menurunkan peruntukan sebanyak RM 14,028,000.00 kepada CKE untuk tujuan pembaikan pendawaian sistem elektrik. Peruntukan telah diagihkan ke semua CKEN yang terlibat.

d) Progam Pembaikan Kecil Pendawaian Elektrik untuk Sekolah-sekolah Kayu di Sabah

Program ini diwujudkan kerana berlaku kes kebakaran di sekolah-sekolah kayu di Sabah yang berpunca daripada litar pintas elektrik. Sehubungan dengan itu, pihak KPM memperuntukan sebanyak RM 4,000,000.00 untuk tujuan pemeriksaan dan pembaikan kecil pendawaian elektrik khusus untuk blok sekolah kayu di Sabah.

Jadual 4 di bawah menunjukkan pecahan peruntukan mengikut program sepanjang tahun 2015:

BIL.	SUMBER KEWANGAN	KOD OBJEK	JUMLAH (RM)
1	Pakej Rangsangan Khas PRK 2013 (2013 sehingga 2015) Sekolah Berasrama Penuh	S63/PFI	10,017,000.00
2	Pakej Rangsangan Khas PRK 2013 (2013 sehingga 2015) Sekolah Berasrama Penuh	S63/PFI	1,263,000.00
3	Penyelenggaraan Elektrik	B63/28000	8,060,448.00
4	Penyelenggaraan Elektrik Akibat Banjir	B63/28000	14,028,000.00
5	Penyelenggaraan Elektrik Di Sekolah-sekolah Kayu di Sabah	B63/28000	4,000,000.00
6	Tuntutan Perjalanan	B63/21000	90,000.00
7	Pembelian Alat Ganti	B63/26000	1,000,000.00
8	Perbelanjaan Mesyuarat dan bengkel	B63/29000	40,000.00
Jumlah Besar (RM)			38,498,448.00

4.2 Perbelanjaan Peruntukan Kod Objek 21000, Kod Objek 26000 dan Kod Objek 29000 di bawah Program Senggara Tahunan Elektrik


BIL	CKEN	B63 / os 26000			B63 / os 21000		
		Peruntukan Terima (RM)	Belanja (RM)	% Belanja	Peruntukan Terima (RM)	Belanja (RM)	% Belanja
1	PERLIS	60,000.00	60,000.00	100.00	3,000.00	2,992.75	99.76
2	KEDAH	100,000.00	99,999.00	100.00	8,000.00	7,754.00	96.93
3	P.PINANG	150,000.00	149,999.50	100.00	8,000.00	7,997.90	99.97
4	PERAK	50,000.00	50,000.00	100.00	9,000.00	8,991.02	99.90
5	SELANGOR	70,000.00	69,999.80	100.00	0.00	-	-
6	W.P KL	50,000.00	50,000.00	100.00			
7	N.SEMBILAN	45,000.00	45,000.00	100.00	5,000.00	4,996.40	99.93
8	MELAKA	35,000.00	34,997.00	99.99	5,000.00	4,979.97	99.60
9	JOHOR	100,000.00	99,769.15	99.77	13,000.00	7,940.50	61.08
10	PAHANG	200,000.00	200,000.00	100.00	3,000.00	2,999.85	100.00
11	TERENGGANU	50,000.00	49,999.80	100.00	3,000.00	2,922.05	97.40
12	KELANTAN	50,000.00	50,000.00	100.00	8,000.00	7,114.40	88.93
13	WP.LABUAN	40,000.00	39,996.40	99.99			
14	IBU PEJABAT JKR	-	-	-	25,000.00	8,508.77	34.04
JUMLAH BESAR (RM)		1,000,000.00	999,760.65	99.98	90,000.00	67,197.61	74.66

Jadual 5:
Pretasi Perbelanjaan Setiap CKEN bagi Kod Objek 26000 dan Kod Objek 21000

OS 29000 sebanyak RM 40,000.00 telah dibelanjakan 100% untuk mesyuarat dan Bengkel Khas penyenggaraan Elektrik di Seluruh Semenanjung Malaysia dan Labuan sebanyak dua kali iaitu di Johor Bahru dan Pulau Langkawi.

4.2.1 Perbelanjaan Peruntukan Kod Objek 28000 dan Kod Objek 32000 di bawah Program Senggara Tahunan Elektrik


BIL	CKEN	B63 / os 28000			B63 / OS 32000		
		Peruntukan Terima (RM)	Belanja (RM)	% Belanja	Peruntukan Terima (RM)	Belanja (RM)	% Belanja
1	PERLIS	236,997.64	100.00				99.76
2	KEDAH	868,986.94	100.00				96.93
3	P.PINANG	895,324.49	99.37				99.97
4	PERAK	874,820.70	99.36				99.90
5	SELANGOR	1,190,556.84	98.97	370,000.00	354,219.49	95.74	-
6	W.P KL	244,909.25	99.96				
7	N.SEMBILAN	797,926.46	99.99				99.93
8	MELAKA	528,606.57	99.93				99.60
9	JOHOR	630,825.96	99.81				61.08
10	PAHANG	539,833.80	99.97				100.00
11	TERENGGANU	391,380.00	99.99				97.40
12	KELANTAN	195,439.42	97.72				88.93
13	WP.LABUAN	264,600.00	100.00				
14	IBU PEJABAT JKR	-	-				34.04
JUMLAH BESAR (RM)		7,690,448.00	7,660,208.07	99.61	370,000.00	354,219.49	95.73



Bil	CKEN	Peruntukan Terima (RM)	Belanja (RM)	% Belanja
1	PERLIS	350,000.00	349,999.95	100.00
2	KEDAH	650,000.00	627,342.60	96.51
3	P. PINANG	255,000.00	254,483.65	99.80
4	PERAK	703,000.00	697,524.00	99.22
5	SELANGOR	1,629,000.00	916,035.59	56.23
6	K. LUMPUR	250,000.00	249,867.00	99.95
7	N.SEMBILAN	1,913,000.00	1,912,885.69	99.99
8	MELAKA	1,800,000.00	1,775,015.37	98.61
9	JOHOR	240,000.00	239,975.40	99.99
10	PAHANG	2,015,000.00	1,761,127.15	87.40
11	TERENGGANU	1,350,000.00	1,161,127.15	86.01
12	KELANTAN	125,000.00	124,981.36	99.99
13	W.P LABUAN	-	-	-
14	IBU PEJABAT	-	-	-
JUMLAH BESAR (RM)		11,280,000.00	10,070,364.91	89.28

Jadual 7:
Pretasi Perbelanjaan Setiap CKEN
bagi Kod Objek 28000 PRK SBP

Carta Bar 12: Prestasi Perbelanjaan CKEN Bagi Program PRK SBP



4.4 Program Pembaikan Pendawaian Elektrik Akibat Banjir

Bencana banjir telah melanda Semenanjung Malaysia pada penghujung Disember 2014 dan beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor telah terjejas akibat bencana tersebut. Ekoran daripada bencana ini, terdapat banyak premis KPM telah ditenggelami air dan terdapat juga sekolah yang dijadikan pusat pemindahan sementara. Program pembaikan dan penyelenggaraan elektrik akibat banjir ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM 14,028,000.00

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik(CKE) telah menubuhkan satu Pasukan Khas Pemeriksa Elektrik yang dianggotai oleh pegawai daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri (CKEN) Melaka, Johor, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan untuk membantu CKEN yang terlibat dengan musibah banjir. Pasukan ini bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan status keselamatan pepasangan elektrik di setiap premis KPM yang dilanda banjir serta membuat kerja pembaikan sementara pepasangan elektrik bagi membolehkan pihak sekolah memulakan sesi persekolahan pada awal Januari 2015. Selain itu, pasukan khas pemeriksa elektrik ini juga bertanggungjawab untuk membuat skop kerja dan anggaran kos untuk pembaikan sistem elektrik.

Bagi memastikan pasukan khas pemeriksa elektrik dapat melaksanakan tugas dengan selamat, satu Panduan Pemeriksaan Kerosakan Peralatan Elektrik Disebabkan Air disediakan. Panduan adalah seperti di Lampiran A.

Hasil daripada pemeriksaan ini, Ibu Pejabat JKR Malaysia CKE telah membuat permohonan untuk kerja-kerja pembaikan akibat banjir kepada pihak KPM. Sehubungan dengan itu, pihak KPM telah menurunkan peruntukan sebanyak RM 14,028,000.00 dalam dua peringkat seperti berikut :

- Peruntukan pertama pada 23 Jan 2015 sebanyak RM 11,323,000.00
- Peruntukan kedua pada 1 Jun 2015 sebanyak RM 2,705,000.00

Peruntukan peringkat pertama melibatkan sejumlah 324 buah sekolah manakala pada peringkat kedua telah melibatkan sebanyak 50 buah sekolah. Keseluruhan peruntukan ini telah berjaya dibelanjakan untuk tujuan pembaikan dengan jayanya. Pecahan dan rekod perbelanjaan peruntukan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Bil Sekolah	Peruntukan OS 28000 (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja
1	Perak	52	1,000,000.00	998,952.04	99.90
2	Johor	4	20,000.00	19,975.04	99.88
3	Pahang	123	5,300,000.00	5,290,418.01	99.82
4	Terengganu	41	1,003,000.00	1,001,388.54	99.84
5	Kelantan	104	4,000,000.00	3,999,628.44	99.99
Jumlah Keseluruhan (RM)		324	11,323,000.00	11,310,362.07	99.89

Jadual 8:

